

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IV)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

25. Klinik Kesihatan Sungai Dua menerima hampir 100-200 orang pesakit sehari
- (a) Apakah perancangan untuk menaik taraf klinik dan infrastruktur?
  - (b) Adakah tempat letak kereta bertingkat akan dibina?
  - (c) Laluan keluar masuk kenderaan awam yang membahayakan, adakah Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mengkaji laluan alternatif?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. (a) Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan bagi menaik taraf klinik dan infrastruktur di Klinik Kesihatan Sungai Dua dalam tempoh terdekat. Walau bagaimanapun, usaha menaik taraf perkhidmatan klinik akan dilaksanakan secara berterusan dan pada ketika ini klinik tersebut dalam pelaksanaan menambah perkhidmatan rehabilitasi;
- (b) Setakat ini, tiada perancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat di Klinik Kesihatan Sungai Dua dalam tempoh terdekat; dan

- (c) Berkaitan laluan alternatif keluar masuk klinik dengan kenderaan awam yang membahayakan, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan mengkaji laluan alternatif dan mempertimbangkan cadangan yang bersesuaian pada masa akan datang.